



PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG

Iklan dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sahaja.

**CLERK OF WORKS (C.O.W.)
JABATAN SALIRAN DAN PEMBETUNGAN
JABATAN KERJA RAYA
C.3 EB.4-5 (\$1,980 - \$2,580)
KEKOSONGAN = 1 (SATU)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Mempunyai kelulusan Ijazah Diploma Kebangsaan Tertinggi (*HND*) di dalam Bidang Kejuruteraan Awam atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
 2. Pengalaman dalam bidang yang berkenaan seperti dalam aspek keselamatan dan kesihatan adalah merupakan satu kelebihan.
-

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menerima arahan dari Jurutera dan Pegawai-Pegawai atasan dari masa ke semasa jika diperlukan;
2. Mengurus projek-projek dalaman Jabatan yang ditugaskan termasuk mengadakan pemeriksaan tapakserta lawatan dan menghadiri mesyuarat di tapak projek atau ujian dan pengauditan keselamatan dan kesihatan di tapak bina serta menyediakan laporan perkembangan projek;
3. Membantu menyelaras pelaksanaan projek dan mengaturkan perbincangan projek atau perkara-perkara berkaitan;
4. Memantau perbelanjaan dan pembayaran terkini dari masa ke semasa dan menyediakan pembayaran kontrak serta dokumen-dokumen yang diperlukan;
5. Memantau dan mengawas pengurusan kontraktor yang mengendalikan kerja-kerja projek tersebut dan memastikan kerja-kerja yang dibuat adalah menepati kualiti, sasaran, jadual dan program kerja serta peraturan keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dipersetujui dan diperlukan;



6. Menyediakan persuratan seperti surat, minit, memorandum dan laporan berkaitan dengan projek;
7. Membuat laporan kepada *Officer-in-charge* mengenai perkembangan projek dan permasalahan yang timbul;

Bahagian Saliran

- 1) Untuk berhubung dengan pegawai yang bertanggungjawab mengenai kemajuan kerja-kerja tapak dan laporan kemajuan projek setiap hari;
- 2) Menghadiri mesyuarat yang diatitkan dengan kontraktor untuk apa jua projek yang dikendalikan;
- 3) Untuk menyertai sebarang penyediaan, penilaian dan pengesahan apa jua dokumentasi bagi projek seperti menulis minit kepada pihak berkuasa yang berkenaan, pesanan kerja dan tapak lokasi seperti perbincangan / arahan, Laporan Kejadian Banjir (FIR), Pembayaran / Tuntutan, Sijil Kesiapan Projek (CPC) / Sijil Ketidaksiapan Projek (CNC), Pesanan Perubahan (VO) dan Lanjutan Masa (EOT) dan menyediakan sebutharga bagi projek berkaitan;
- 4) Menyertai penilaian atau pengesahan sokongan tawaran dan menyediakan lampiran seperti yang diarahkan;
- 5) Membuat penyelarasan dengan pihak kontraktor mengenai jadual kerja / program dan memantau kemajuan projek serta mengawas dan memastikan kualiti dan hasil kerja yang baik;
- 6) Memeriksa kerja-kerja *setting out* dan membantu membuat tinjauan untuk perkhidmatan / utiliti bawah tanah, jika ada;
- 7) Membuat penyelarasan dengan Jurutera mengenai lukisan dan menyemak / menunjukkan jika ada percanggahan / ketidakselarasan di antara lukisan dan keadaan tapak;
- 8) Untuk menjalankan kawalan kualiti bagi memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan adalah menurut lukisan dan spesifikasi selaras dengan amalan kejuruteraan yang baik dan piawaian mutu kerja yang memuaskan; dan



- 9) Untuk mengemukakan masalah yang mungkin / sedang dihadapi di tapak dan memaklumkan kepada Pegawai yang bertanggungjawab mengenai langkah-langkah yang diambil.

Nota:

1. Pemohon dikehendaki untuk mengisi dan mengembalikan **Borang Permohonan Site Staff** yang lengkap, salinan kad pengenalan dan sijil-sijil yang berkenaan melalui e-mel ke uss@pwd.gov.bn **tidak lewat dari hari Ahad, 29hb Jun 2025.**
2. Hanya pemohon yang memenuhi syarat sahaja akan dihubungi.
3. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai permohonan, Pemohon boleh menghubungi **Unit Site Staff** di talian **2383911 samb. 101**